

Pelajar perubatan USIM dekati OKU

TAMPIN – Seramai 27 pelajar tahun empat, Sarjana Muda Perubatan dan Surgery, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengambil pendekatan terbaik dalam program pembelajaran bersama masyarakat terutamanya golongan kurang upaya (OKU).

Pensyarahnya, Shalinawati Ramli berkata, walaupun program terbabit merupakan sebahagian daripada keperluan kursus, namun pendedahan diberikan sepanjang program membolehkan bakal doktor mempelajari keperluan sebenar masyarakat.

"Ini adalah kumpulan kedua yang melaksanakan program Posting Kesihatan Masyarakat pada tahun ini dan kita harap agar usaha kita ini akan dapat membiasakan pelajar dengan tugas mereka selepas

tamat belajar nanti.

"Selain melengkapkan keperluan kursus, pelajar Usim juga memainkan peranan penting dalam menaikkan imej Usim dan dalam masa sama mendekatkan masyarakat dengan Usim," katanya sempena program berkenaan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Tampin, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Pengerusi PDK Tampin, Fadzil Abu Bakar berkata, pihaknya amat mengalu-alukan mana-mana organisasi hadir serta mencerikan lagi pelatih PDK.

"Pada tahun ini sahaja, kita sudah melaksanakan lima program di sini dan kita percaya langkah ini akan dapat membantu kita untuk memberikan suasana pendidikan lebih baik kepada golongan OKU," katanya.



Fadzil (duduk, tiga kanan) bergambar kenangan bersama peserta program Posting Kesihatan Masyarakat di PDK Tampin, kelmarin.